

TARIKH	20 / 9 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	20	RUANGAN	Selmpat



**CATATAN  
DARI MAKKAH**

Badrila Jamlus

**Assalamualaikum** dan salam sejahtera. Kira-kira jam 3.30 petang kelmarin, langit di Makkah berhampiran Masjidil Haram tiba-tiba mendung.

Terdetik di hati saya, adakah ini petanda hujan atau awan hitam sekadar melawati kota suci ini tanpa menitiskan setitik air untuk membasahi bumi yang kerindu kontang.

Bagaimanapun, sangkaan saya benar apabila hujan

## Hujan 15 minit cukup bermakna

secara tiba-tiba meskipun tidak selebat di Malaysia, tetapi sedikit sebanyak membuktikan Allah Maha Berkuasa dan dapatlah sebahagian daripada jemaah negara ini merasai suasana hujan yang jarang-jarang kali berlaku di negara padang pasir ini yang panasnya kini mencecah antara 40 dan 45 darjah Celsius.

Ramai yang mengucapkan kesyukuran dan saya sendiri sanggup bergegas ke bawah dari bilik media untuk melihat sendiri hujan termasuk mengambil gam-

bar sebagai kenang-kenangan. Bagaimanapun, hujan kira-kira 15 minit itu sudah cukup bermakna buat saya selepas lebih 16 hari berada di dua kota suci ini.

Sebahagian daripada jemaah yang ketika itu menanti waktu solat Asar keluar seketika menadah tangan untuk merasai sendiri titisan hujan yang dianggap rahmat. Rupanya awan turut menitiskan hujan seketika selepas solat Maghrib ketika saya bersama dua kakitangan Tabung Haji keluar dari masjid menuju ke

bangunan berhampiran untuk makan malam.

Sebagai manusia, kita sebenarnya hanya mampu merancang dan setiap yang berlaku pastinya adalah mengikut ketentuan-Nya sama ada baik atau sebaliknya.

Apa yang penting di sini ialah jemaah haji dinasihatkan agar tidak mendedahkan diri kepada cuaca panas atau jika mahu ke masjid, gunakan kain sebagai penutup kepala untuk mengurangkan bahang panas dan minumlah air zam-zam setiap hari.



JEMAAH menadah tangan tanda kesyukuran ketika hujan di Makkah, petang kelmarin.